

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 105 ● 6 - 9 MAC 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Program usahawan, WiBB beri manfaat

Hidup Semula

PENULARAN wabak COVID-19 secara global mengakibatkan corak kehidupan manusia berubah selain turut merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik terutama kepada ekosistem perniagaan domestik seperti industri makanan dan minuman.

Justeru, pelaksanaan beberapa inisiatif baharu di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) antaranya Wilayah Bebas Berniaga (WiBB) dan Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota (PPUAMK) dilihat membuka peluang 'kehidupan' baharu kepada mereka yang terjejas pendapatan.

Seperti yang dinyatakan peserta terlibat, inisiatif yang diperkenalkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa itu memberi manfaat kerana dapat membantu rakyat menjana pendapatan semula sekali gus mengurangkan beban kewangan yang dihadapi.

Malah, keputusan untuk menyambung tempoh pelaksanaan inisiatif berkenaan membuatkan peserta lebih bersyukur dan menghargainya.

BERITA LANJUT DI MUKA 2 DAN 3



Putrajaya bandar
pentadbiran dan rekreasi
=>6 & 7



Pengambilan vaksin mengikut
perspektif islam
>> 10



'Tuhan yang
memberikan
semangat ini'
- Dai Syed

>> 12

Peserta akui inisiatif WiBB beri manfaat, tingkat pendapatan harian

'Saya pernah mohon beras di masjid'

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

PERNAH terjejas pendapatan dan kehilangan pekerjaan, peserta di bawah program Wilayah Bebas Berniaga (WiBB) mengakui inisiatif yang dilaksanakan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memberi manfaat bermakna dalam diri mereka.

Ibu tunggal, Siti Khairunnissa Zolketyl, 35, berkata, dengan adanya program WiBB, dia dan anaknya yang berusia sembilan tahun berpeluang menikmati juadah 'mewah' berbanding hidangan nasi dan telur goreng setiap hari.

Menceritakan kisahnya, dia memberitahu, kesukaran lebih dirasai ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan kehilangan punca pendapatan sepenuhnya.

"Alhamdulillah sangat dapat berniaga kerana sebelum ini saya terpaksa pergi ke masjid untuk memohon bantuan beras. Sejak anak saya masih bayi, saya dan dia hanya mampu menikmati telur goreng sebagai lauk bersama nasi. Jadi memang tidak sangka bila berniaga ini, kami dapat makan nasi berlauk ayam."

"Masa gelombang pertama COVID-19, saya menjual jagung mentah dari rumah ke rumah. Tetapi pernah seminggu saya tidak mendapat sebarang tempahan," katanya yang pernah memohon bantuan baitulmal, namun gagal.

Menurut Siti Khairunnissa, dia memohon WiBB kerana in-



SITI Khairunnissa gembira dapat peluang berniaga di bawah program WiBB.

gin mengubah nasib malahan pekerjaan lain sukar dilakukan disebabkan perlu menjaga anak Autisme ASD yang memerlukan perhatian.

Ujarnya, apabila program tersebut diumumkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annar musa, dia tidak berlengah memo- hon untuk menyertainya.

"Saya tidak sangka akan dapat peluang ini dan bersyukur sangat oleh itu sentiasa konsisten berniaga kerana betul-betul menghargainya."

"Alhamdulillah, dengan berniaga ini saya mampu memperoleh keuntungan kira-kira RM50 se-

hari berbanding menjual dari rumah ke rumah," jelasnya.

Dalam pada itu, dia menyatakan, program Wilayah Bebas Berniaga sangat sempurna untuk warga kota seperti ini.

TINGKAT PENDAPATAN

Bagi Ahmad Rustam Amir, 34, peluang perniagaan yang diberikan itu bukan hanya membolehkannya menjana semula pendapatan yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak awal tahun lalu malah meningkatkan jualan harian.



AHMAD RUSTAM menunjukkan cendol jualannya.

"Sebelum ini saya berniaga di Dengkil, Selangor. Selepas ditawarkan lokasi di Presint 2, Putrajaya, jualan saya meningkat terutama pada hujung minggu."

"Manfaat lain yang diperoleh adalah sewa percuma selama enam bulan selain tapak yang strategik di tengah bandar dan tumpuan orang ramai," katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Khamis.

Justeru itu, Ahmad Rustam menzahirkan penghargaan kepada Menteri Wilayah Persekutuan



AHMAD RUSTAM

kerana inisiatif itu dapat membantu menjana pendapatan usahawan di waktu yang mencabar.

Dia juga gembira apabila tempoh pelaksanaan inisiatif tersebut dipanjangkan sehingga 31 Julai.

"Saya memang harap ia diteruskan dan mahu menggunakan peluang yang diberikan sepenuhnya di waktu COVID-19. Kalau tidak berterusan, kami akan kembali ke Dengkil dan kekurangan pelanggan," katanya yang mula berniaga cendol pada Disember 2019. **WK**

PPUMK bantu usahawan urus kewangan, perniagaan dengan baik

SELARAS konsepnya yang mahu melahirkan lebih ramai usahawan, Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota (PPUAMK) antara yang ditunggu-tunggu peminat dalam sektor peruncitan.

Ini kerana, tawaran ruang perniagaan di lokasi strategik di sekitar ibu negara bukan hanya membantu menjana pendapatan tambahan malahan kursus yang diberikan membolehkan pesertanya mempelajari selok belok perniagaan serta pengurusan kewangan dengan lebih baik.

Menurut salah seorang pesertanya, Siti Jasrina Mohamed Umar, 33, dia menyertai program tersebut kerana minat mendalam terhadap bidang perniagaan dan peruncitan.

"Saya pernah sertai program anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya (PPj) selama enam

bulan. Dari situ, minat saya semakin bertambah sehingga mendorong saya memohon tapak untuk membuka kedai serbaneka di Presint 2 yang ada ini.

"Walaupun kios kecil, lokasi yang diberikan PPj ini sangat strategik dan menjadi tumpuan individu yang suka berbasikal dan jogging di Putrajaya," katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Jumaat.

Siti Jasrina berkata, pada awalnya, dia hanya menjual air dan pelbagai jenis jajan yang membolehkan pengunjung menikmatinya secara santai.

Katanya, selepas mendapat cadangan daripada pelbagai pihak, dia mula menambah buah-buahan potong di samping turut menjual juadah pemanis mulut.

"Program usahawan ini bagi peluang yang sangat bagus, saya kini semakin tahu strategi ber-

niaga, cara iklan kepada orang dan hebahan termasuk cara pengurusan kewangan. Ini peluang baik untuk saya dan usahawan yang lain."

"Saya juga berpeluang bekerjasama dengan usahawan lain termasuk pemborong yang memberikan produk mereka untuk dijual di kios ini," katanya yang mempunyai kontrak dua tahun di kios tersebut.

Dalam pada itu, Siti Jasrina juga berharap pihak Kementerian Wilayah Persekutuan mahupun PPj dapat membantu membuat hebahan kewujudan kedai usahawan yang terlibat supaya dapat menarik lebih ramai pengunjung.

Dia turut mengakui bahawa kadar jualan merosot sehingga 50 peratus sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan sukan dan rekreasi tidak dibenarkan. **WK**



KEDAI runcit yang dibuka berhampiran jalan besar di Presint 2 memudahkan pengunjung yang berekreasi di Putrajaya mendapatkan kudapan dan minuman.

Pembukaan bazar Ramadan, Aidilfitri dibincangkan demi kepentingan rakyat

Tempoh niaga WiBB dilanjutkan

DARI MUKA DEPAN

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) melanjutkan tempoh pemberian lesen perniagaan secara percuma dan diskaun sewaan premis milik agensi dibawahnya sehingga 31 Julai ini.

Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, keputusan tersebut diambil setelah mengambil kira aktiviti perniagaan yang kurang memberangsangkan golongan peniaga di ibu kota ekoran orang ramai terpaksa berbelanja berikutnya pembukaan sekolah selain persiapan menyambut bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri dalam masa terdekat.

“Walaupun perniagaan dibuka dan pelbagai aktiviti dibenarkan serta kita telah berhijrah dari situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke PKP Bersyarat (PKPB), namun secara keseluruhan penjaja dan peniaga kecil masih lagi bergelet dengan perniagaan yang sedikit malap berbanding keadaan biasa.

“Walaupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) terpaksa menanggung kesusutan dari segi hasil, tetapi kita mera-

akan perlu melanjutkan tempoh pemberian lesen percuma melalui program Wilayah Bebas Berniaga (WiBB), memperbaharui lesen secara percuma.

“Mereka yang menyewa premis-premis PBT di bawah KWP boleh meneruskan perniagaan secara percuma sementara yang menduduki projek perumahan rakyat (PPR) di bawah KWP dan DBKL perlu membayar hanya separuh sahaja sewa yang mereka bayar dalam keadaan biasa,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Program Sumbangan MYBeras@Wilayah di Ibu Pejabat Kontinen Polis (IPK) Kuala Lumpur.

Hadir sama, Ketua Polis Kuala Lumpur, Komisioner Polis (CP) Datuk Saiful Azly Kamaruddin; Pengurus Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Datuk Dr Mohd Daud Bakar; Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Datuk Mohd Ajib Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun.

Menurut Annuar, langkah tersebut dapat memberi manfaat kepada



BERNIAGA di bawah program WiBB membolehkan pesertanya menjana pendapatan harian sekali gus mengurangkan beban kewangan yang dialami.

40,000 penyewa rumah PPR dan 10,000 peniaga dan penjaja selain kira-kira 5,000 peniaga yang terlibat di dalam program WBB.

Annuar sebelum ini mengumumkan Inisiatif Wilayah Cakna 3.0 pada September tahun lalu yang bertujuan membantu warga kota terutama golongan B40 yang terjejas ekoran PKP dan antara lain, ia

turut memberikan diskaun sewaan premis milik DBKL, Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL) selain pembaharuan lesen perniagaan percuma.

Annuar juga memperkenalkan Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (WBB) pada 15 November tahun lalu yang membenarkan penduduk Wilayah Persekutuan berniaga ter-

masuk makanan, pakaian dan apa saja jenis perniagaan sehingga 15 April ini.

Dalam pada itu, Annuar memberitahu pihaknya melalui mesyuarat Pusat Pengurusan Krisis (CMC) akan mengemukakan permohonan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk mempertimbangkan pembukaan bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri.

“Keputusan itu bergantung kepada sejauh mana orang ramai dan penjaja dalam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pada masa ini.

Katanya, setakat ini pihaknya telah menerima lebih 2,000 permohonan dan kita bercadang sekitar mendapat persetujuan MKN untuk mengizinkan kira-kira 3,000 bazar Ramadan dan Aidilfitri untuk beroperasi di sekitar Wilayah Persekutuan.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan (JKKKNWP) menyatakan penglibatan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) untuk membantu pihak berkuasa dalam memantau dan menyelaras ribuan penjaja yang ada di dalam Kuala Lumpur. **WK**

Polis Kuala Lumpur terima 700 kampit beras

AZLAN ZAMBRY

KELIBAT Pasukan Sang Saka Biru dalam menjaga keselamatan dan keselesaan warga kota sentiasa dihargai apatah lagi ketika negara berada di dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menaksikan setiap penjuru bandaraya dipenuhi pasukan ini.

Sekalipun sanggup berjuang malah menahan bahang mentari ketika musim panas ketika menjaga keselamatan dalam Sekatan Jalan Raya (SJR) di ibu kota, mereka tetap menjunjung amanah yang digalas demi memastikan rantaian wabak pandemik COVID-19 dapat diputuskan sekaligus warga kota dapat menjalani kehidupan seperti sedia kala.

Atas pengorbanan luar biasa yang ditunjukkan oleh pegawai dan anggota Polis Kuala Lumpur, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah menyumbangkan kira-kira 700 kampit beras dalam program MYBeras@Wilayah dalam satu majlis pada Khamis.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Komisioner Polis (CP) Datuk Saiful Azly Kamaruddin menzahirkan ucapan terima kasih



ANNUAR menyerahkan sekampit beras lima kilogram kepada penerima di IPK Kuala Lumpur.

kerana sumbangan tersebut boleh memberikan sedikit kegembiraan kepada anggotanya yang sentiasa bersedia menjaga keselamatan warga kota.

“Syukur Alhamdulillah atas kecaknaan menteri, bagi kami warga Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Kuala Lumpur amat bersyukur kerana menerima bantuan ini.

“Kami tidak sangka bahawa pasukan ini turut dipilih untuk menerima sumbangan dan ia akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk kegunaan warga IPK,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Sumbangan MYBeras@ Wilayah yang disempurna-

kan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Hadir sama, Pengurus Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Datuk Mohd Daud Bakar, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Datuk Mohd Ajib Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Menurutnya lagi, sumbangan tersebut akan dikhasikan kepada anggota-anggota yang merupakan dalam golongan B40 khususnya berpangkat rendah.

“Daripada 8800 pegawai

yang berada dalam golongan B40 adalah seramai 387 orang.

“Sumbangan ini meskipun hanya sekampit beras, ia merupakan satu penghargaan daripada warga Kuala Lumpur untuk pegawai dan anggota polis yang cekal menjalankan tugas meskipun mereka turut terkesan dengan pandemik COVID-19,” katanya.

Dalam pada itu, Annuar yang juga Pengurus YWP berkata, bantuan MyBERAS yang berupa 5 kilogram kampit beras ini telah dimulakan sumbangannya oleh YWP.

“Setakat 28 Februari, program tersebut telah berjaya menyentuni lebih 23,000 penerima dengan pecahan 1,600 penerima di setiap kawasan parliment di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

“Untuk edaran sepanjang bulan Mac dan April 2021, pihak MAIWP dan JAWI telah menyumbangkan kira-kira 50,000 kampit beras, melalui YWP,” katanya.

Katanya, pihak YWP menyumbangkan kira-kira 700 beras untuk seluruh warga Polis Kuala Lumpur yang bertujuan membantu golongan frontliners yang turut terkesan.

PMB Tijari sasar salur pembiayaan RM150 juta untuk 150 usahawan tahun ini

PMB Tijari Bhd, anak syarikat Pelaburan Mara Bhd (PMB), menyasarkan untuk menyalurkan pembiayaan sebanyak RM150 juta bagi membantu sehingga 150 usahawan berpotensi pada tahun ini berbanding RM210 juta pada 2020.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PMB Tijari Bhd, Norati Ibrahim berkata pengurangan sasaran itu disebabkan ramai usahawan mengalami kekurangan projek serta yang tertangguh akibat pandemik COVID-19 pada tahun lepas.

“Pandemik itu menyebabkan (jumlah) projek-projek dikeluarkan telah berkurangan dan tertangguh dan akibatnya kita hanya dapat membantu sedikit usahawan pada tahun lepas.

“Oleh kerana 2021 adalah (tempoh) pasca pandemik, kita terpaksa kurangkan sedikit sasaran iaitu RM150 juta merangkumi 100 hingga 150 usahawan,” katanya pada majlis menandatangani surat tawaran pembiayaan tersebut yang membabitkan lima usahawan di sini, pada Jumaat.

Bagi tempoh September 2014 sehingga kini, PMB Tijari telah membayai hampir 210 usahawan daripada pelbagai sektor yang melibatkan pembiayaan hampir RM300 juta dengan had maksimum pembiayaan adalah RM5 juta.

Menurut Norati, sejak Januari 2021, PMB Tijari sudah meluluskan pembiayaan sebanyak RM40 juta kepada 12 usahawan, termasuk lima usahawan tersebut dengan nilai RM18 juta.

“Semua syarikat hari ini adalah penerima pembiayaan pertama kali. Ini sejarah dengan matlamat kita untuk membantu usahawan berpotensi mendapat pembiayaan kewangan menerusi produk-produk pembiayaan yang ditawarkan,” katanya.

Beliau berkata, PMB Tijari menyasarkan syarikat yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan kebolehan namun tidak berupaya memperolehi pinjaman daripada pihak bank atau insitusi kewangan lain. - **BERNAMA**



PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN ANAK MUDA KOTA @WILAYAH

WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH
PRIHOTIN



PELUANG BERNIAGA KEPADА WARGA WILAYAH

**SEWA
RM1000
SEBULAN**

**BERJAYA
TIMES SQUARE**
"Tingkat 4 (lot 04-87)"

HUBUNGI
+6012-739 3489
+6016-974 3226

AZLAN ZAMBRY

Wilayahku : Bolehkah Datuk menjelaskan sedikit tentang latar belakang Putrajaya?

Muhammad Azmi:
PERBADANAN Putrajaya (PPj) ditubuhkan pada 1 Mac 1996 iaitu 25 tahun yang lalu. Keunikan PPj adalah ditubuhkan berdasarkan kepada akta tersendiri iaitu Akta 536, Akta PPj yang mana walaupun ditubuhkan sebagai badan berkanun, tetapi ia melaksanakan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kalau kita lihat PBT lain, Majlis Bandaraya, Majlis Perbadanan dan Majlis Daerah, mereka ditubuhkan atas Akta 171 dan diklasifikasikan sebagai PBT. Tetapi PPj dikenali sebagai PPj tidak dikenali sebagai PBT namun ia berfungsi sebagai PBT.

Maksudnya, PPj mempunyai kelebihan yang tersendiri sebagai PBT yang menguruskan Pusat pentadbiran kerajaan. Dengan adanya Akta 536, PPj, kuasa dan fungsi PPj lebih besar dan luas berbanding PBT yang ditubuhkan dibawah Akta 171.

PPj diberi kuasa untuk menubuhkan anak syarikat bagi memastikan pengurusan pusat pentadbiran ini dapat diuruskan selaras dengan dasar-dasar semasa kerajaan yang lebih cekap dan efisien.

Wilayahku: Datuk telah berkhidmat dengan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang memayungi tiga PBT, pada pandangan Datuk, apakah potensi yang ada dalam PPj?

Muhammad Azmi: Sudah pasti sebagai bandar moden yang menempatkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, banyak potensi yang boleh dimanfaatkan bersama. Keluasan Putrajaya adalah 12,600 ekar dan 2,000 ekar daripadanya merupakan kawasan taman.

Putrajaya mempunyai 14



MUHAMMAD AZMI

Wawancara sempena 25 tahun penubuhan Putrajaya

Putrajaya bandar pentadbiran dan rekreasi

bahru taman dan kesemuanya mempunyai keunikan tersendiri.

Contohnya di Wetland yang berkeluasan 500 ekar dan ia merupakan satu-satunya taman yang unik di Malaysia.

Dari segi untuk menjadikan taman-taman di Putrajaya sebagai tarikan pelancong, ia merupakan satu cabaran kerana persepsi umum mengatakan banyak benda atau perkara yang tidak boleh dilakukan.

Sebagai contoh, tasik Putrajaya ini hanya boleh dilihat dan tidak boleh dinikmati.

kalau ada kemudahan, orang ramai yang takut menggunakan kerana pada peringkat awal, banyak peraturan yang diperkenalkan yang menyebabkan tanggapan orang awam Putrajaya banyak perkara tidak boleh dilakukan apa-apa aktiviti.

Sebagai Presiden yang baharu, saya cuba mengubah persepsi itu daripada Putrajaya tidak boleh sebelum ini kepada Putrajaya boleh.

Macam mana kita hendak jadikan Putrajaya yang cantik dapat dirasai dan dinikmati oleh semua golongan termasuklah penduduk tempatan dan juga penduduk luar dari Putrajaya.

Wilayahku: Putrajaya boleh dikatakan antara bandar yang popular dan sering menjadi lokasi pelancong asing melawat namun mereka tidak menjadikan Putrajaya sebagai kawasan pilihan untuk menginap, bangaiman Datuk hendak mengatasi masalah tersebut?



AZMI (tengah) memotong rebah sebagai simbolik pelancaran ulang tahun ke-25 penubuhan Perbadanan Putrajaya (PPj) di Padang Kompleks PPj Presint 3 pada Jumaat.

Muhammad Azmi: Dari segi pelancongan, kita akui ramai yang datang melawat Putrajaya tetapi mereka itu bukan pelancong dan sebenarnya mereka hanyalah pelawat.

Mengikut definisi pelancong oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) seorang individu perlu menginap satu malam dan itu yang dikenali sebagai pelancong.

Tetapi yang datang ke sini adalah untuk melawat dan mereka tidak menginap di sini.

Mereka hanya datang ambil gambar terutama di kawasan Masjid Putra dan menyelusuri sepanjang boulevard untuk melihat keunikan senibina bangunan kerajaan dan kemudian pulang.

Jadi cabaran saya dan semua warga PPj adalah untuk

mengubah keadaan tersebut dari pelawat ini kepada pelancong. Kalau sebelum ini yang datang ke Putrajaya mereka cuma melawat di Putrajaya dan menginap di Kuala Lumpur.

Insya Allah dalam tempoh lima tahun ke hadapan kita mahu mereka menginap di Putrajaya dan kita akan realisasikannya selaras dengan hasrat Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang mahu jadikan Putrajaya sebagai bandar rekreasi.

Wilayahku: Boleh dikatakan Putrajaya sering menjadi pilihan orang ramai untuk menjalankan aktiviti rekreasi, apakah pihak PPj akan menambah baik perkara ini?

Muhammad Azmi: Untuk menjadikan bandar rekreasi, kami menumpukan kepada dua perkara

utama pada tahun ini iaitu untuk menjadikan kawasan di sekitar Presint 4 sebagai 'sport mall' atau pusat rekreasi utama dan juga di kawasan Wetland untuk remaja dan belia untuk menjalankan aktiviti.


Kawasan itu, kita akan tukarkan menjadi kawasan rekreasi utama di mana pelawat dan pelancong boleh menikmati keindahan tasik Putrajaya dan pada masa sama kita sediakan aktiviti termasuk camping, climbing dan kita akan sediakan chalet dan sekarang trend terbaru, kita akan sediakan tapak untuk karavan dan kita akan perbanyakkan tempat penginapan yang sesuai dengan golongan remaja dan belia dan kita juga akan sediakan pakej termasuklah aktiviti menunggang kuda.

Wilayahku: Putrajaya merupakan satu bandar pentadbiran dan ia mempunyai energy dan keunikan tersendiri melalui produk pelancongan seperti LAMPU, Floria, Piacuff dan cumanya program tersebut melibatkan peruntukan kewangan yang agak besar.

Kita akan tengok semula program tersebut untuk menarik pihak swasta untuk terlibat secara langsung agar ia lebih



MASJID Putra yang merupakan bangunan ikonik kepada Putrajaya ketika masih dalam pembinaan.



PERBADANAN Putrajaya (PPj) mensasarkan 350,000 penduduk menjelang tahun 2046 bakal menjadikan Putrajaya sebagai bandar yang bertenaga dan meriah.

sustain.

Kita tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan yang besar tetapi ia dapat menarik pelancong dan pelawat datang ke Putrajaya yang mana kita boleh kategorikan kepada tiga iaitu, satu untuk acara-acara di peringkat antarabangsa, nasional dan juga komuniti setempat.

Jadi kita akan aturkan program berdasarkan kepada tiga kategori tadi dan menyasarkan kepada semua golongan.

Wilayahku: Sebagai presiden yang baharu menjawat jawatan ketika pandemik COVID-19, bagaimana Datuk mendepani cabaran menguruskan komuniti di sini yang turut terkesan dengan wabak tersebut?

Muhammad Azmi: Saya bersyukur dengan kepimpinan menteri yang telah memberi hala tuju dan pelan tindakan yang jelas dalam menanganai masalah tersebut, PPj masih boleh mengawal dan menguruskan Putrajaya dengan baik.

Kita sentiasa bekerjasama dengan komuniti termasuk MPPWP dan persatuan penduduk dalam meningkatkan kesedaran terhadap pandemik tersebut yang dibahagikan kepada tiga komponen iaitu pencegahan, kesedaran dan pembersihan.

Kesemua ia melibatkan penduduk. Dan bagi membantu warga Putrajaya yang terkesan akibat pandemik ini, kita permudahkan penduduk Putrajaya untuk bermula melalui Wilayah Bebas Berniaga dan kita memudahkan pemberian lesen perniagaan yang sementara berdasarkan lokasi yang sesuai.

Itu untuk yang berminat bermula kerana mungkin telah kehilangan pekerjaan.

Untuk program Usahawan Anak Muda Kota, kita akan perluaskan dan kita akan buka satu bazar di Presint 15 dan untuk peniaga sedia ada, PPj beri pengecualian sewa premis dan lesen dan ia akan dilanjutkan sehingga Jun 2021.

Untuk bantuan secara langsung, program yang dilancarkan oleh KWP seperti MYFood, MYBeras beri kepada semua yang terkesan dengan bantuan MPPWP Putrajaya.

WILAYAHKU: Sebagai bandar yang menjadi pelopor Smart City, apakah aspirasi Datuk untuk memantapkan lagi program tersebut?

Muhammad Azmi: Putrajaya tidak boleh lari dari pembangunan Bandar Pintar atau Smart City.

Kita membahagikan kepada dua kategori, iaitu yang pertama adalah untuk mempertingkatkan kecekapan keupayaan pelaksanaan dan perkhidmatan secara atas talian yang kini sedang dan telah dilaksanakan.

Kebanyakan proses kerja di PPj telah pun dilaksanakan secara atas talian termasuklah untuk proses kelulusan kelulusan perancangan

dan pembangunan atau Development Order.

PPj merupakan satu-satunya PBT yang telah melaksanakan proses kelulusan atas talian sepenuhnya.

Kita juga telah menerima kelulusan untuk menggunakan tanda tangan digital dan secara keseluruhan 100 peratus kita sudahpun ada termasuklah dengan penggunaan kamera litar tertutup CCTV yang termasuk dengan aspek tersebut.

Keduanya, untuk masyarakat umum dan ia merupakan satu cabaran yang kita sedang berusaha untuk menambah baik bersama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

Apabila masuk ke Putrajaya, pengunjung akan menerima notifikasi dan ia terus sambung ke aplikasi dan menerusi itu, mereka akan mengetahui mengenai kawasan pelancongan, tempat parkir kereta, tempat makan dan restoran secara atas talian dan ia sedang diusahakan dan ia termasuklah dengan kemudahan WiFi percuma dan dari segi penggunaan aplikasi.

WILAYAHKU: Putrajaya sudahpun berusia 25 tahun, apakah harapan Datuk sebagai Presiden untuk melihat kelangsungan Putrajaya sebagai sebuah Bandar yang menjadi tumpuan?

Muhammad Azmi: Hampir keseluruhan komponen pentadbirannya siap sepenuhnya.

Berdasarkan kepada pelan struktur tempatan sehingga 2030, kita mensasarkan mempunyai penduduk seramai 350,000 penduduk.

Setelah 25 tahun, jumlah penduduk di kawasan ini tidak sampai 100 ribu dan 90 peratus adalah penjawat awam.

Ini bermakna kita masih gagal untuk menarik selain dari penjawat awam untuk menetap di sini.

Saya sedang menyemak semula perancangan Putrajaya untuk 25 tahun ke depan dan kita masihkekalkan imej yang ada, dan dalam masa sama, kita perlu menarik minat pihak swasta untuk memasuki Putrajaya.

Antara lain adalah untuk memastikan lot-lot komersial yang ada dapat dibangunkan oleh pihak swasta dan itu sedang diteliti kerana lot tersebut telah diperuntukan kepada Putrajaya Holding sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk membina infrastruktur Putrajaya.

Perancangan pembangunan dilaksanakan oleh PJH berdasarkan temar 'supply and demand' kerana PPj tidak menyediakan polisi yang mampu menarik minat swasta untuk mendirikan bangunan atau kegiatan ekonomi dan untuk masalah itu, PPj sedang sedang bekerjasama dengan PJH untuk membuat satu dasar khusus untuk menarik minat pihak swasta datang ke Putrajaya samada untuk menjalankan aktiviti perniagaan atau menetap di sini. 

Imbas kod QR untuk tonton temubual bersama Presiden PPj.



PETIKAN UCAPAN DAN HARAPAN MANTAN PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA SEMPENA ULANGTAHUN KE-25 PENUBUHAN PERBADANAN PUTRAJAYA



"Sejak ditubuhkan pada 1 Mac 1996, Perbadanan Putrajaya merupakan tulang belakang dalam merealisasikan visi kerajaan untuk membangunkan Putrajaya sebagai sebuah Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kini selepas 25 tahun penubuhannya, Perbadanan Putrajaya terus menjadi nadi utama dalam memastikan Putrajaya sebagai sebuah bandar mampam dan terancang yang menjadi kebanggaan dan lambang kejayaan negara".

"Bersempena ulang tahun ke-25 penubuhannya, saya mendoakan semoga Perbadanan Putrajaya terus maju dan menjadi organisasi contoh bukan sahaja dalam aspek perancangan dan pembangunan sebuah bandar yang bertaraf dunia tetapi juga dalam aspek tadbir urus, sistem penyampaian awam dan perkhidmatan perbandaran yang berkelas pertama".

"Saya percaya warga kerja Perbadanan Putrajaya akan sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti dengan mengutamakan pelanggan, semangat kerja berpasukan, berintegriti dan prihatin dalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diamanahkan".

"Selamat ulang tahun ke-25 penubuhan Perbadanan Putrajaya".

Tan Sri Samsudin bin Osman
Mantan Presiden Perbadanan Putrajaya (ke-2)

"Perbadanan Putrajaya sebagai Pihak Berkua Tempatan (PBT) dan Pihak Berkua Perancangan Tempatan bagi Putrajaya sememangnya unik dan berbeza daripada PBT lain di negara ini. Sebagai PBT yang bertanggungjawab dalam merancang, membangun dan mengurus tadbir Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang pertama kali dibina di negara ini, daripada hamparan ladang getah dan kelapa sawit kepada sebuah bandar moden terancang dengan bertunjangkan kepakaran tempatan dan konsep hubungan sejagat yang menjadi kebanggaan negara serta dikagumi dunia, kejayaan Putrajaya sudah tentunya juga mencerminkan kejayaan Perbadanan Putrajaya".

"Saya mendoakan Perbadanan Putrajaya terus berjaya dalam mengharungi pelbagai cabaran semasa dan mendatang serta sentiasa bersemangat untuk terus memacu Putrajaya ke hadapan dengan memanfaatkan sepenuhnya segala faktor kekuatan dan peluang yang sedia ada di samping mewujudkan peluang-peluang baru ke arah menjadikan sebuah bandar yang lebih maju, berdaya saing dan matang sekaligus menjadi salah satu bandar terbaik dunia selari dengan aspirasi kewujudannya".

"Selamat menyambut ulang tahun ke-25 Perbadanan Putrajaya kepada seluruh warga Perbadanan Putrajaya".



Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Aseh bin Che Mat
Mantan Presiden Perbadanan Putrajaya (ke-3)



"Saya mengucapkan selamat ulang tahun ke-25 Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan sejak 1 Mac 1996. Sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya yang ke-4 saya amat berbangga dapat bersama-sama organisasi ini dalam menyumbang tenaga dan idea ke arah membangunkan Putrajaya bukan sahaja dalam aspek pembangunan bandar tetapi juga pembangunan rohani warganya".

"Selepas 25 tahun, Putrajaya secara fizikalnya telah menunjukkan hasil yang menjadi kebanggaan negara dengan perancangan yang teliti, pembangunan yang teratur serta senibina yang mengagumkan. Sungguhpun begitu ketamadunan sesebuah bandar turut perlu meliputi kemampuan modal insan dan masyarakatnya".

"Doa dan harapan saya semoga seluruh warga Perbadanan Putrajaya terus berusaha menerapkan amalan dan penghayatan nilai-nilai murni di kalangan seluruh warga Putrajaya ke arah mewujudkan sebuah bandar mampam yang didokong oleh masyarakat sejahtera berkelas pertama dan menjadi contoh bukan sahaja kepada bandar-bandar lain di Malaysia malah bandar-bandar utama dunia".



Datuk Seri Hasim bin Ismail
Mantan Presiden Perbadanan Putrajaya (ke-4)

"Perbadanan Putrajaya merupakan organisasi utama dalam memacu perancangan dan pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya sejak penubuhannya pada 1 Mac 1996".

"Harapan saya semoga Perbadanan Putrajaya terus kehadapan serta mengekalkan momentum sebagai sebuah organisasi yang berinovasi di mana setiap warganya dilengkapi dengan kepakaran pengurusan perbandaran yang selari dengan teknologi terkini seterusnya memacu ke arah merealisasikan Putrajaya sebagai Smart City pada masa akan datang".

"Saya yakin warga Perbadanan Putrajaya akan terus bekerjasama dengan penuh komited, berintegriti, berdisiplin, sentiasa mengamalkan semangat kerjasama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, berusaha mengekalkan keharmonian, mencintai Putrajaya serta bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti dan para pemegang taruh".

"Selamat menyambut 25 tahun penubuhan Perbadanan Putrajaya. Putrajaya Luar Biasa!"

Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim
Mantan Presiden Perbadanan Putrajaya (ke-5)

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Beri manfaat kepada pelajar miskin di seluruh Wilayah Persekutuan

Penerima bantuan makanan YWP ditambah

ANINI MAWAWI

PROGRAM Bantuan Makanan yang dilaksanakan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sejak sekian lama akan diteruskan seperti biasa sejurus bermulanya sesi persekolahan 2021.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, program tersebut bakal ditambah baik bagi memberi manfaat kepada pelajar miskin yang belajar di sekolah seluruh Wilayah Persekutuan.

"Kita akan menambah jumlah bilangan penerimaan bagi



**YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

memastikan golongan berpendapatan rendah (B40) lebih fokus dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PDP)," ujar beliau.

Tambah beliau, memandangkan situasi COVID-19 masih melanda, maka pihak YWP sentiasa memandang serius dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sepanjang program dijalankan.

"Kita sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam mendepani Tingkatan 1 sehingga habis persekolahan Tingkatan 5.

penularan wabak ini," ujar beliau kepada **Wilayahku**.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, program yang dilaksanakan di bawah YWP telah meliputi 108 buah sekolah di seluruh Wilayah Persekutuan.

Ujarnya, dari tahun 2016, seramai 7,200 pelajar telah mendapat manfaat sementara tahun lalu terdapat pertambahan 400 pelajar menjadikan jumlah keseluruhan penerima bantuan makanan tahun 2020 adalah 2,000 pelajar.

Bantuan tambahan itu diberikan kepada murid, bermula Tingkatan 1 sehingga habis persekolahan Tingkatan 5.



MURID sekolah menikmati juadah daripada Program Bantuan Makanan YWP. - Gambar hiasan

Ia sejajar dengan objektif penubuhan YWP iaitu membantu menaiktaraf hidup golongan B40 dan individu memerlukan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. **WK**

Suria KLCC hulur sumbangan barang makanan RM30,000

NAZWIN NAZRI

MEMAHAMI keperluan petugas barisan hadapan perubatan, Kumpulan Syarikat Suria KLCC sekali lagi menghulurkan sumbangan barang makanan bernilai RM30,000 kepada pasukan itu di Hospital sekitar Lembah Klang.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, Andrew Brien berkata, sumbangan kali ketiga itu bertujuan membantu memudahkan keperluan harian petugas barisan hadapan malah pemilihan jenis makanan serta minuman juga dititik beratkan supaya bersesuaian dalam kekangan tugas memerangi COVID-19.

"Kami memahami kesulitan yang dihadapi petugas di hospital dengan waktu re-

hat yang singkat, kekurangan ruang khas untuk menikmati juadah makanan sempurna dan terutamnya kesulitan untuk meninggalkan setiap lapisan PPE ketika hendak menjamu selera.

"Sumbangan kami ini diharap dapat membantu mengurangkan bebanan yang terpaksa mereka pikul," katanya dalam satu kenyataan.

Terdahulu, sumbangan berbentuk kudapan minum petang dan minuman diserahkan Pengurus Besar Suria KLCC, Ben Chong kepada Pengarah Hospital Sungai Buloh, Dr Kuldip Kaur pada 3 Mac lalu.

Makanan yang disumbangkan merupakan kopi, Milo dan teh dalam paket serta pelbagai biskut dan mi segera



BEN Chong (kiri) menyerahkan sumbangan kepada **Dr Kuldip Kaur**.

yang bernilai RM15,000.

Mengulas tentang sumbangan itu, kata Brien, barang yang diberikan

akan memudahkan petugas menikmatinya dan ia boleh disimpan dengan selamat tanpa perlu didinginkan.

Tambah beliau, Kumpulan Syarikat Suria KLCC akan sentiasa berpegang kepada tema yang dilancarkan tahun lalu 'Kami Bersama Anda', walaupun ada vaksin mengawal pandemik ini dijangka akan berterusan sehingga sa- tu waktu yang lama.

Dalam pada itu, Dr Kaur berbuka puasa, pihaknya amat menghargai niat murni Suria KLCC dan sumbangan yang diberikan amat bermakna tatkala pasukan perubatan berhadapan dengan cabaran besar sepanjang penularan wabak COVID-19.

Pada 11 Februari, pusat beli belah Alamanda turut menyumbangkan barang makanan berjumlah RM10,000 kepada Hospital Putrajaya.

Info ADUAN

PERTIWI

WhatsApp
: 013-680 6666
: 013-688 7777

DBKL

Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Wilayahku

WhatsApp
: 011-5958 7489

Penyerahan diserahkan Pengurus Besarnya, Ameer Thajudeen kepada Pengarah Hospital Putrajaya, Datuk Dr Nora'i Mohd Said. **WK**

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

Wilayah Ku MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM300
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM200
PANEL PAGE		26cm X 6cm	RM200
[INNER]			

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

Wilayah Ku	FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000	
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500	



DITERBITKAN 2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI 200,000 PEMBACAA SETIAP EDISI

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:
012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)
Pengurus Pengiklanan
011-1069 2962 (ZUHAIRI)
Eksekutif Jualan dan Pemasaran
03-8861 5260 (PEJABAT)
Alamat:
Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.



WK niaga (tidak lebih 20 pelah percutuan) **RM10**



Rezeki dari bumi



TANAH yang terhad tidak menghalang komuniti Perumahan Awam untuk berkebun.



ANTARA hasil kebun yang mampu menjana pendapatan komuniti.



AMIN FARID HASAN

HADIS Riwayat Bukhari, sabda Rasulullah SAW “sekiranya di tangan kamu ada benih kurma dan kamu tahu bahawa esok akan berlaku kiamat, maka hendaklah kamu menanam dan jangan biarkan hari kiamat berlaku tanpa menanam benih kurma tersebut”

Satu-satunya budi yang dibalas budi adalah berbudi kepada tanah. Pertanian Bandar Putrajaya adalah satu program yang harus diperhebatkan perlaksanaannya kerana kesan produktif impak

positifnya untuk jangka masa yang panjang. Seperti yang kita tahu, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, ramai yang kehilangan sumber pendapatan. Dengan adanya program ini, ia mampu menjana pendapatan sesebuah komuniti jika dilakukan dengan sistematis dan mekanisme yang tersusun.

Jika segalanya diatur dengan baik dan cekap, tidak mustahil ia boleh menjadi sebuah perniagaan yang mendatangkan hasil lumayan dan mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat kerana pertanian adalah perniagaan. WK



MADU kelulut juga boleh dikomersialkan dalam komuniti Pertanian Bandar Putrajaya.

Pengambilan vaksin mengikut perspektif Islam

**PEJABAT MUFTI
WILAYAH PERSEKUTUAN**

MEMASUKI bulan Mac ini, genaplah setahun wabak COVID-19 diisytihar sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Sehingga kini, statistik mencatatkan jutaan nyawa penduduk yang telah terkorban di seluruh dunia akibat wabak ini. Malah, ia turut menjelaskan kehidupan manusia dari pelbagai aspek.

Lantaran itu, pelbagai usaha telah direncanakan bagi mencari penawar kepada wabak ini. Hasilnya, bermula daripada penghujung bulan Februari yang lepas, kerajaan Malaysia telah berjaya mendapatkan bekalan vaksin daripada beberapa syarikat farmaseutikal antarabangsa.

Antaranya adalah seperti Pfizer-BioNTech, AstraZeneca, Sinovac, Sputnik V dan CanSinoBIO. Kesemua vaksin ini akan diagihkan kepada setiap rakyat Malaysia secara berperingkat.

Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah pihak yang menolak pengambilan vaksin ini atas beberapa faktor.

Antaranya adalah kerana tidak berasa yakin terhadap tahap keberkesanan vaksin.

Selain itu, mereka juga mendakwa bahawa ia berasal dari sumber yang haram dan diragui.

Bahkan, sampai ke suatu tahap menyifatkannya sebagai bercanggah dengan sunnah Rasulullah SAW.

Sehubungan itu, salah faham sebegini perlu diperbetulkan demi memastikan umat Islam memahami pengambilan vaksin dari perspektif syarak dengan lebih tepat.

Berdasarkan syariat Islam, perlu difahami bahawa ikhtiar untuk mencari penawar kepada sesuatu penyakit merupakan salah satu tuntutan yang mesti dilaksanakan.

Rasulullah SAW sendiri telah menjelaskan di dalam hadith bahawa setiap penyakit memiliki penawar tersendiri yang perlu diterokai dan dikaji.

Sabda baginda : “*Setiap penyakit mempunyai penawar, apabila penawar menepati penyakit tersebut, nescaya akan sembuh dengan izin Allah.*” (Riwayat Muslim)

Tambahan pula, Islam sentiasa menyeru umatnya untuk mengambil langkah pencegahan lebih awal bagi menghindari penularan sesuatu penyakit.

Hal ini adalah bertepatan dengan hadis Nabi SAW: Maksudnya: “*Barangsiapa makan tujuh butir kurma Madinah pada pagi hari, ia tidak akan terkena pengaruh buruk sihir atau racun.*” (Riwayat Bukhari)

Kedua-dua dalil di atas menjadi asas bahawa

usaha mencegah penularan wabak ataupun penyakit dengan mengambil penawar sememangnya ditekankan dalam syariah Islam.

Begitu juga langkah membendung penularan COVID-19 menerusi program imunisasi, maka pengambilan vaksin merupakan antara ikhtiar terbaik yang dapat dilakukan dalam tempoh terdekat.

Dari aspek hukum fiqh, jika sebuah vaksin itu dihasilkan daripada bahan-bahan yang bersih dan suci, maka ia diharuskan untuk diambil.

Namun begitu, tidak kesemua penawar vaksin ini boleh diperolehi daripada sumber yang benar-benar suci.

Sebahagian daripadanya terpaksa menggunakan bahan-bahan yang haram atau pun najis.

Terdapat dua situasi dalam menentukan hukum pengambilan vaksin daripada sumber yang najis ini.

1) Jika wujud vaksin lain yang berasal daripada sumber yang suci, maka adalah dilarang untuk menggunakan vaksin yang najis.

Hal ini demikian kerana, secara asasnya, Rasulullah SAW melarang umat Islam menggunakan bahan-bahan yang haram adalah dibolehkan kerana termasuk dalam konsep darurat.

“Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar. Dia telah menjadikan



KERAJAAN telah membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk kemudahan orang ramai mendapatkan vaksin COVID-19.

bagi tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan (perkara-perkara) yang haram.”

2) Sekiranya tidak ditemui langsung vaksin yang benar-benar suci, maka menggunakan vaksin yang berasal dari sumber yang haram adalah dibolehkan kerana termasuk dalam konsep darurat.

Antara kaedah yang digunakan dalam hal ini.

“Darurat mengharuskan perkara-perkara yang dilarang.”

Tetapi kaedah ini diikat dengan kaedah lain iaitu

“Darurat diambil pada kadar yang dapat menghilangkannya.”

Di samping itu, terdapat juga beberapa piawaian yang mesti dipatuhi dalam mengaplikasi konsep darurat terhadap pengambilan vaksin. Antaranya adalah :

1) Darurat itu memang benar-benar berlaku, bukan sekadar sangkaan semata-mata.

Melihat kepada statistik semasa di dalam dan luar negara, kita dapat menilai sendiri betapa bahayanya wabak ini kerana ia telah mengakibatkan banyak kematian terutamanya kepada golongan yang berisiko tinggi.

2) Tiada alternatif lain untuk menghilangkan kemudarat.

Setelah pelbagai kajian yang dijalankan oleh penyelidik di seluruh dunia, satu-satunya penawar yang diyakini ketika ini adalah menerusi suntikan vaksin.

Tiada lagi dapatkan terkini yang menunjukkan bahawa wabak ini boleh dipulihkan melalui sumber-sumber yang lain.

3) Sekiranya vaksin itu berasal dari sumber yang terlarang, maka pengambilannya pula adalah atas dasar terpaksa dan bukan secara sengaja sehingga berlebih-lebihan.

4) Mengambil pada kadar atau dos yang perlu sahaja, tidak boleh secara berlebih-lebihan.

Secara tuntas, hukum mengambil vaksin menurut perspektif Islam adalah harus dan dibolehkan.

Ia adalah selari dengan prinsip Maqasid Syariah yang bertujuan memelihara nyawa manusia (hifz al-nafs) daripada terancam.

Sekiranya vaksin tersebut berasal dari sumber yang haram, keharusannya pula mestilah bertepatan dengan piawaian darurat dalam Islam.

Namun begitu, hukum pengambilannya di sesuatu kawasan adalah tertakluk sepenuhnya fatwa daripada para Mufti yang telah mendapat sokongan daripada pakar-pakar dalam bidang kesihatan. **WK**



PROGRAM Imunisasi Kebangsaan COVID-19 yang dilancarkan pada 24 Februari lalu bertujuan untuk membantu orang ramai bebas dari jangkitan pandemik COVID-19.



Dapatkan e-Paper percuma Wilayah Ku
Whatsapp ke nombor 011-5958 7489



WE LOVE SHOPPING

RM1,000 VOUCHER

F&B VOUCHER



1 – 21 Mac 2021

Cabutan Bertuah

3x Baucar Bernilai RM1,000 Untuk Dimenangi Setiap Minggu

Belanja RM100 dan ke atas tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai F&B atau fesyen terpilih untuk peluang menerima Baucar Membeli-Belah Alamanda bernilai RM1,000.*



* Tertakluk kepada termasuk syarat. Sementara stok masih ada.
Imej yang ditunjukkan hanya untuk tujuan ilustrasi.

Untuk informasi lanjut, kunjungi Kaunter Concierge kami atau hubungi +603-8888 8882

Roda Ganjaran

Terima sekeping baucar F&B apabila anda berbelanja.*

Istimewa untuk Kakitangan Kerajaan

Terima kemasukan tambahan dalam Cabutan Bertuah.*



Sertai kami di [Facebook](#) [Instagram](#) [AlamandaShoppingCentre](#) [www.alamanda.com.my](#)



DEEL ANJER

BUKAN satu perjalanan mudah buat pendakwah selebriti, Dai Syed apabila pernah berada dalam Pusat Tahanan Reman Sementara, Beranang, Selangor selama 20 hari, pada Disember tahun lalu.

Menyedari dirinya juga insan biasa seperti orang lain, pemilik nama sebenar Shah Syed Iqmal ini mengaku kadang-kadang dirinya lemah apabila dikeji dan dituduh dengan bermacam-macam tuduhan.

Dai Syed meluahkan isi hatinya ketika sidang media virtual pelancaran lagunya, Ya Habib dan pelantikannya sebagai duta produk Dixy untuk wangian Ya Habib.

Ikuti soal jawabnya bersama Wilayahku pada Khamis.

Setelah apa yang berlaku, bagaimana Dai Syed mendapat kekuatan untuk kembali



‘Tuhan yang memberikan semangat ini’ – Dai Syed

bersemangat serta muncul dengan lagu baharu dan menjadi duta produk?

Tuhan yang memberikan semangat ini untuk bangkit dalam bermasyarakat. Saya tahu di luar sana ramai lagi yang berhadapan ujian sukar seperti tidak mampu membeli barang makanan atau susu anak dan sebagainya.

Apa yang boleh saya cakap, kebangkitan ini tidak mudah tetapi seperti yang saya cakap, tuhan memberikan saya semangat ini.

Jadi saya sebagai orang yang pernah diuji, saya kembali bangkit dan berharap orang yang berhadapan situasi buruk juga turut bangkit.

Apa sebenarnya yang ingin disampaikan dalam lagu Ya Habib? Betul ke kisah sendiri?

Lagu ini berkaitan dengan perjalanan hidup saya. Ia menceritakan kisah seorang anak muda yang sedang berjalan dalam kehidupan. Di mana ketika berjalan dia diuji, dicemuh, berasa sedih dan jiwanya meronta-ronta. Ketika itu dia teringat kepada seseorang yang digelar Ya Habib atau guru.

Saya tulis liriknya ketika berada dalam pusat tahanan selama 20 hari dan pastinya ia merupakan satu momen yang dinantikan oleh peminat-peminat saya.

Dalam lagu ini juga menceritakan kisah saya ketika berada dalam (tahanan), saya pernah muntah-muntah dan ada anxiety. Begitu juga dengan rasa sedih serta meronta-ronta.

Di sebalik kontroversi itu, mungkin ada yang menjauhkan diri, bagaimana Dai Syed melihat situasi ini?

Bagi saya kawan dan sahabat itu berbeza. Kawan biar ramai, semua orang saya berkawan, tetapi sahabat yang sentiasa dengan saya antaranya Ryan Deedat yang sentiasa memberi motivasi kepada saya.

Ada yang bila saya di dalam (pusat tahanan) dia hentam saya betul-betul, tetapi



SHAH SYED IQMAL

apabila saya keluar dia DM (mesej di Instagram) saya, ‘hai buat apa tu?’

Tu perkara biasa, tapi saya hanya memandang positif terhadap perkara tersebut. Maknanya, kawan adalah kawan. Sahabat adalah sahabat.

Dai Syed tidak risau ke andai ada yang cuba memboikot produk ini setelah kontroversi yang melanda?

Kalau ada yang boikot, saya sentiasa positifkan diri saya dan tidak menganggap orang yang memboikot saya itu adalah salah.

Saya tidak pernah menyalahkan bahkan saya memaafkan semua orang. Sebaik-baik orang adalah orang yang meminta maaf, lagi baik adalah orang yang memaafkan.

Saya tidak ada rasa dendam. Sakit hati itu ada tetapi tidaklah sampai tahap dendam. Tak perlu kutuk balik. Saya hanya mendiamkan diri dan memberi positif kepada orang.

Bagaimana anda boleh meyakinkan pengguna yang produk ini bagus dan jangan memandang apa yang berlaku sebelum ini?

Keyakinan itu atas mereka sendiri. Saya sebagai seorang penjual dan duta wangian Ya Habib ini, saya tidak akan

mendoakan saya walaupun kami tidak mengenal.

Saya bukan sekadar menjual produk sahaja, tetapi juga ingin membantu masyarakat tidak kira usia untuk berniaga dengan saya. Maknanya, Kalau kita selalu buat positif kepada orang, orang akan selalu buat positif kepada kita.

Terdahulu, mengenai lagu Ya Habib, sebagai penulis lirik Dai Syed juga berkolaborasi dengan Ryan Deedat, Adam Armin, Yusuff Khan dan Adly Kiddy selaku komposer.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif DYXY, Shah Hafiz memberitahu pihaknya juga turut terlibat dengan pembikinan muzik video (MV) lagu Ya Habib menerusi DYXY Media.

Pada 15 Disember lalu, Syed Iqmal dilepaskan dengan ikat jamin keseluruhan sebanyak RM35,000 masing-masing RM25,000 di Mahkamah Petaling Jaya dan RM10,000 di mahkamah Shah Alam.

Dalam pertuduhan ke atasnya pada 10 Disember lalu, Syed Iqmal mengaku tidak bersalah bagi tiga tuduhan jenayah seksual masing-masing di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Petaling Jaya serta Mahkamah Sesyen, Shah Alam.



Alatan yang mempunyai kompresor guna tenaga yang lebih banyak

Mesin penapis air punca bil elektrik tinggi

MESIN penapis air yang mempunyai fungsi pemanas dan penyejuk dikenal pasti menjadi antara punca peningkatan bil elektrik terutamanya ketika cuaca panas yang sedang melanda negara.

Ketua Retail Tenaga Nasional Berhad (TNB) Selangor Ismail Lathifi Teh berkata peralatan elektrik yang mempunyai fungsi sedemikian seperti peti sejuk dan alat penyaman udara dan kini penapis air minuman menggunakan tenaga elektrik yang banyak untuk mengekalkan suhu berkenaan terutamanya ketika cuaca panas.

"Pada cuaca panas seperti sekarang ini, mesin yang mempunyai kompresor akan menggunakan tenaga yang lebih banyak untuk mengekalkan suhu.

"Jadi lebih kerap kita membuat

ka pintu peti sejuk dan lebih kerap kita mengambil air sejuk daripada penapis air di rumah, lagi banyak tenaga elektrik yang akan digunakan oleh peralatan berkenaan bagi mengekalkan suhu sejuk," katanya Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata contohnya, jika tangki penapis minuman yang menyimpan air sejuk habis ia akan diisi dengan air yang baharu dan kompresor akan berfungsi untuk menyejukkan air berkenaan.

Ismail Lathifi berkata jika lebih banyak isian semula berlaku, lebih kerap kompresor berkenaan berfungsi dan ini akan menyebabkan peningkatan penggunaan elektrik.

Dalam pada itu, Ismail Lathifi turut menasihati pengguna agar menetapkan pemasangan pada alat penyaman udara masing-masing selain menetapkan suhu antara 24 hingga

26 derjah Celcius sahaja bagi menjimatkan penggunaan elektrik.

"Pengguna digalakkan menggunakan pemasangan pada penyaman udara masing-masing dan menetapkan agar ia ditutup pada awal pagi kira-kira pukul 2 pagi dan ke atas kerana ketika itu cuaca mulai sejuk dan memasang kipas untuk mengekalkan suhu sejuk di dalam rumah," katanya.

Ismail Lathifi turut menyarankan kepada pengguna agar melakukan servis terhadap penyaman udara secara berkala agar ia dapat berfungsi dengan lebih efisien dan jimat.

"Saya dapat aduan yang mengatakan mereka (pengguna) tidak menggunakan penyaman udara tetapi kenapa bil elektrik melambung, mereka lupa bahawa barang elektrik lain juga menggunakan elektrik," katanya lagi. — BERNAMA



Mindef cadang tambah kuota kemasukan pelajar MTD ke UPNM - Ismail Sabri

KEMENTERIAN Pertahanan bercadang untuk meningkatkan kuota sehingga 40 peratus kemasukan pelajar-pelajar Maktab Tentera Diraja (MTD) ke Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Menteri Kanan Pertahanan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata bagaimanapun keputusan jumlah kuota itu bergantung kepada hasil perbincangan dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana universiti berkenaan berada di bawah KPT.

"Jadi kita menyuarakan pandangan kepada KPT untuk membuka lebih banyak ruang kepada pelajar-pelajar RMC (MTD) untuk memasuki UPNM.

"Sekarang 10 peratus,



ISMAYL SABRI

mungkin boleh dinaikkan sehingga 30 atau 40 peratus (bagi) kemasukan (pelajar)," katanya dalam sidang media selepas mengadakan lawatan kerja sulungnya ke UPNM di

Kem Perdana Sungai Besi, pada Jumaat.

Beliau berkata UPNM merupakan universiti gabungan antara latihan ketenteraan dan akademik serta pelajar-pela-

jar MTD adalah sangat sesuai melanjutkan pengajian ke UPNM.

"Mereka merupakan pelajar terpilih. RMC dianggap sebagai 'boarding school' (sekolah berasrama) yang diberikan latihan ketenteraan. (Jadi ia sesuai)," katanya.

Selain itu, Ismail Sabri berkata siswazah UPNM antara lepasan universiti yang menjadi pilihan para majikan kerana mereka dikatakan mempunyai tahap disiplin yang tinggi.

Justeru itu, Ismail Sabri berkata kebolehpasaran siswazah UPNM ini lebih 90 peratus akan memperoleh pekerjaan.

"Ini disebabkan majikan melihat siswazah UPNM ada kaitan dengan ketenteraan iaitu disiplin," katanya. WK

Basmi kemiskinan sebab COVID-19 perlu dijadikan agenda

PEMBASMIAN kemiskinan akibat pandemik COVID-19 selain kemiskinan sedia ada perlu dijadikan agenda atau solusi pertama kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) dan RMK13, bagi merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), kata Kausus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara.

Pengerusinya Senator Datuk Razali Idris berkata pihaknya memandang serius situasi yang mana kumpulan T20 sebahagiannya menjadi kumpulan M40, manakala sebahagian M40 pula menjadi B40, selain B40 yang terus ber-

tambah miskin.

"Akibat komitmen yang ditanggung oleh kumpulan ini yang sangat tinggi berikutan penguncutan ekonomi yang ketara telah menjadikan rakyat Malaysia yang dimaksudkan itu sudah tidak ada punca pendapatan, penyutan wang tunai yang banyak serta tidak dapat mencairkan aset fizikal sedia ada bagi menanggung beban ekonomi keluarga," katanya dalam kenyataan hari ini.

Justeru, beliau berkata program yang dirancang menerusi WKB 2030 dalam RMK12 dan RMK13 perlu disasarkan

kepada kumpulan rentan yang terjejas teruk oleh pandemik COVID-19.

Menurutnya, Kausus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara melahirkan harapan besar kerajaan Perikatan Nasional dapat merealisasikan peta ekonomi WKB 2030 sebagai agenda yang membawa kepada pemulihran ekonomi efektif bagi rancangan jangka panjang negara.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam Amanat Perdana Setahun Malaysia Prihatin pada Isnin lalu berkata mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi yang dipengerusikannya dimaklumkan jumlah rakyat yang jatuh miskin akibat COVID-19 telah meningkat dan kerajaan sedang berusaha mengatasi masalah itu. WK



RAZALI

Kenyataan Nur Sajat boleh kelirukan masyarakat - Mufti

PEJABAT Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) memandang serius usaha wan Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat yang mendakwa berniat menukar agama setelah berkonflik dengan pihak jabatan agama di sebuah negeri.

Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Luqman Abdullah berkata kenyataan kontroversi itu dilihat memberikan kesan yang mendalam terhadap umat Islam di negara ini.

Beliau berkata segelintir masyarakat mula berasa keliru dengan beranggapan bahawa perbuatan tersebut adalah normal serta tidak menyalah agama, sekali gus dibimbangi akan membuka pintu-pintu keburukan yang lain.

"Sehubungan itu, pihak PMWP ingin menasihati seluruh umat Islam di negara ini supaya sentiasa memelihara maruah diri masing-masing terutamanya dengan berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang kenyataan kepada umum," katanya dalam kenyataan hari ini.

Luqman turut menzahirkan rasa bimbang terhadap pengakuan seorang artis yang mendakwa dirinya merupakan seorang transgender dan tanpa segan silu menzahirkan rasa bangga menjadi seorang pondan.

Sehubungan itu, PMWP mengingatkan umat Islam di negara ini agar menghormati perlombongan serta undang-undang khususnya yang berkaitan dengan jenayah syariah. WK



LUQMAN

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

10 sukarelawan sertai misi pasca banjir 2021 di Kelantan

SYAHIDI BAKAR

SERAMAI 10 sukarelawan dari Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 2, Wangsa Maju terlibat dalam misi bantuan pasca banjir di Kelantan.

Menurut Pengerusinya Md. Zin Salleh, 10 wakil sukarelawan terbabit dalam misi bersama Army 4x4 Team dan Barracuda Adventure bersatu hati menjayakan Program Bantuan Pasca Banjir 2021 @Tanah Serendah Sekebun Bunga di dua lokasi iaitu Tanah Merah dan Rantau Panjang.

"Misi dua hari mulai 27 sehingga 28 Februari lalu, adalah sebahagian usaha murni kami menjadikan pemangkin di dalam membantu sesama Ummah. "Sikap prihatin dan cakna

sesama insan ini perlu disemai dalam diri umat Islam membantu insan yang terkesan akibat banjir melanda di beberapa negeri," katanya selepas pelepasan misi Bantuan Pasca Banjir 2021 di Wangsa Maju, baru-baru ini.

Md. Zin turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak terlibat menjayakan misi ini termasuk para penyumbang yang bermurah hati membantu memudahkan lagi MPPWP Sub Zon 2, Wangsa Maju sebagai perantara memanjangkan sedekah dan infak yang diberikan.

"Mudah-mudahan Allah membuka pintu hati kita semua untuk terus membantu serta mengamal hidup penuh harmoni dan kasih sayang terhadap insan-insan memerlukan pertolongan," ujarnya. **WK**



SEKUMPULAN 10 orang sukarelawan wakili MPPWP Sub Zon 2, Wangsa Maju turut serta dalam misi bantuan pasca banjir di Kelantan.



ZULKIFLI (tengah) berkata sesuatu kepada Ahmad (jubah hijau) ketika hadir melawat Madrasah Al-Khairiah, Seri Perak, kelmarin.

Madrasah Al-Khairiah permudah urusan, bakal miliki van jenazah baharu

HASRAT kariah di Madrasah Al-Khairiah, Sri Perak untuk memiliki sebuah van jenazah baharu untuk menggantikan operasi van sedia ada yang sudah uzur, bakal menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Perkara tersebut dinyatakan sendiri Pengerusinya Ahmad Hamidi semasa bertemu dengan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal-Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri semasa hadir melawat keadaan madrasah terbabit.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Parlimen Batu,

Gulam Muszaffar berkata, kunjungan kenamaan diiringi warga pengurusan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), berlangsung kondusif.

"Yang Berhormat Menteri selesa dan meluangkan masanya bertanya khabar dan keperluan segera pihak Madrasah Al-Khairiah ini.

"Jadi kesempatan ini dinyatakan sebaiknya oleh Pengerusi Madrasah mengenai keperluan sebuah van jenazah baharu bagi menggantikan van lama tersedia usang. Alhamdulillah, respon YB Menteri positif," katanya mengulas sesi lawatan Menteri ke madrasah itu, **WK**

baru-baru ini. Dalam kunjungan Zulkifli bukan sahaja meninjau keadaan madrasah malah dengan bermurah hati memberikan sumbangan peribadi dalam bentuk tunai kepada madrasah terbabit untuk kegunaan.

"Diharapkan kedatangan YB Menteri dan ditemani Pengerusi MPPWP Zon Parlimen Batu ini menjadi asbab bagi kami ahli kariah Madrasah mendapat Van Jenazah baharu. Saya menyeru kita berdoa semoga Allah SWT permudahkan segala urusan dan memakbulkan permohonan," kata Ahmad. **WK**

12 lokasi terima agihan MPPWP Sub Zon 5, Bandar Tun Razak

SEJUMLAH 12 Persatuan Penduduk (PP) bawah seliaan oleh Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 5, Bandar Tun Razak, menerima sumbangan bantuan MyBERAS dan Bakul Makanan di lokaliti masing-masing.

Menurut Pengerusinya, Farouk Mohd Noor, hasil bantuan tersebut diserahkan kepada wakil persatuan mulai 2 petang dengan PP Perumahan Polis Desa Tasik sebagai lokasi pertama agihan dibantu AJK Sub Zon 5 bagi kelancaran.

Katanya, sumbangan Bakul Makanan dan juga MyBeras kepada semua

wakil 12 Persatuan hasil keprihatinan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi membantu ringankan beban rakyat terutama dalam mendepani pandemik COVID-19.

"Antara Persatuan Penduduk yang menerima agihan adalah PP Apartment Desa Tasik Fasa 1A, Desa Tasik Fasa 6A dan 6B, PP Bandar Tasik Selatan Fasa 2 selain Pangaspuri Kos Rendah (BloK & G) Bandar Tasik Selatan serta Persatuan Kebajikan Penduduk PPR Desa Tun Razak.

"Penyampaian sumbangan Bakul Makanan dan juga MyBeras kepada semua

terima kasih YB Menteri Wilayah di atas inisiatif murni digerak untuk rakyat. Tidak dilupa kepada semua AJK membantu kelancaran serahan kali ini," katanya selepas selesai agihan sumbangan di Apartment Desa Tun Razak, di sini.

Farouk turut menzahirkan rasa syukur terhadap proses penyediaan tempat sehingga selesai urusan agihan yang berjalan lancar dan dibantu oleh pelbagai pihak bagi menjayakannya.

"Kami di MPPWP Sub Zon 5 di sini amat hargai bantuan semua pihak dan semoga jalinan terbina menjadi ikatan ukhwah berkekalan," katanya. **WK**



FAROUK (dua dari kanan) ketika hadir menyerahkan sumbangan Bakul Makanan dan MyBERAS di salah sebuah kawasan perumahan di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

Kehadiran penonton di stadium mungkin dibenarkan jika kes COVID-19 turun - PM



MUHYIDDIN ketika berucap dalam hantaran video di laman sosial Facebook Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) pada 4 Mac.

PERDANA Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan mungkin akan membenarkan kehadiran penonton di stadium pada skala kecil secara berperingkat bagi menonton perlawanan bola sepak apabila kes COVID-19 di negara ini dapat diturunkan.

Beliau berkata perkara itu amat penting agar sukan bola sepak yang merupakan antara sukan nombor satu di negara ini kembali gemilang dan penonton turut terlibat meraikan permainan tersebut.

"Mungkin juga pada masa akan datang bila keadaan mengizinkan maka bolehlah kita benarkan kehadiran penonton di stadium secara berskala kecil atau berperingkat jika kes COVID dapat kita turunkan."

"Bagi saya ini amat penting supaya sukan bola sepak iaitu antara sukan nombor satu di negara kita ini kembali semula gemilang dan penonton dapat lebih terlibat bersama-sama meraya dan meraikan permainan bola sepak yang menjadi kebanggaan kita semua," katanya dalam hantaran video di laman sosial Facebook Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) pada 4 Mac.

Perdana menteri turut mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) dan Kedah Darul Aman (KDA) FC yang bakal berentap merebut Piala Sultan Ahmad Shah dalam aksi Sumbangsih esok menandakan bermulanya Liga Malaysia (Liga-M) 2021.

"Selamat bertanding dengan

semangat kesukuan. Mudah-mudahan dengan cara ini sukan di Malaysia akan terus bermarak," katanya.

Pertembungan juara dan naib juara Liga Super 2020 itu akan berlangsung di Stadium Sultan Ibrahim di Iskandar Puteri, Johor.

Muhyiddin turut menzahirkan ucapan sama kepada semua pasukan yang akan bersaing dalam Liga Super dan Liga Premier yang membuka tirai Sabtu ini.

Pandemik COVID-19 di negara ini yang masih perlu diawasi menyaksikan penguatkuasaan prosedur operasi standard Liga-M 2021 diperketat serta model gelembung sukan diaplikasikan sekali gus saingan berlangsung tanpa kehadiran penonton di stadium. - BERNAMA

Sepak takraw sebatи dalam jiwa Aizat

AINI MAWAWI

MENGENALI sepak takraw sejak umur lapan tahun, atlet Wilayah Persekutuan, Ahmad Aizat Mohd Nor Azmi mengakui dia bakal bersara pada usia 35 tahun.

Menurut atlet sepak takraw berusia 27 tahun ini, besar kemungkinan ketika itu dia sudah pun berjaya mencipta kejayaan dalam arena sepak takraw.

"Kalau diikutkan umur 40 tahun pun boleh aktif, selagi badan fit tapi saya rasa mungkin setakat umur 35 tahun cukuplah," ujarnya kepada Wilayahku.

Katanya, dia ingin mencerahkan pengalaman dan tunjuk ajar



kepada atlet baru agar sukan tersebut mempunyai pelapis yang hebat.

"Sekarang ni pun saya dah berjinak-jinak dalam bidang kejurulatihan sepatutnya saya akan bawa atlet ke SUKMA Johor tahun ini, tapi disebabkan COVID-19, jadi terpaksa ditunda," ujar Aizat.

Berkongsi tip tentang sepak takraw, menurut bapa kepada seorang cahaya mata ini, selain disiplin, atlet juga perlu ada inisiatif sendiri.

"Perlu kreatif dalam latihan, jangan terlalu mengharapkan jurulatih semata-mata. Kalau ada sifat rajin, Insya-Allah akan berjaya," ujarnya lagi.

Kejayaan Ahmad Aizat

2019 - Sukan SEA, Filipina
- 2 Perak

2017 - Sukan SEA, Kuala Lumpur
- 3 Perak

2014 - Sukan Asia, Incheon, Korea Selatan
- 2 Gangsa

Tambahnya lagi, sepak takraw di Malaysia hari ini semakin mendapat tempat dan mempunyai peminatnya yang tersendiri.

"Sekarang ni sepak takraw lebih maju, selain berjaya ke peringkat antarabangsa, di Malaysia sendiri, sering diadakan liga," ujarnya yang kini sedang menyertai Kejohanan Piala Sepak Takraw di Johor Bharu. WK



AKSI Aizat ketika berhadapan lawan dalam satu kejohanan.

MSN sangkal dakwaan amal sikap pilih kasih

MAJLIS Sukan Negara (MSN) menyangkal dakwaan Persekutuan Karate Malaysia (MAKAF), berhubung badan itu mengamalkan sikap pilih kasih.

Ketua Pengarahnya Datuk Ahmad Shapawi Ismail berkata, kenyataan MAKAF bahawa keputusan MSN tidak selari dengan perancangan dan kehendak persekutuan itu, khususnya melibatkan bilangan dan peruntukan gaji jurulatih yang tidak setimpal seperti diterima jurulatih sukan lain, agak menyimpang dari pada situasi sebenar.

Beliau berkata MSN sebelum ini akur dengan beberapa kehendak MAKAF termasuk keputusan persekutuan itu melantik kembali jurulatih dari Iran Ali Reza Souleymani dan R. Puvaneswaran, yang diberhentikan oleh pengurusan MAKAF.

"Keputusan MAKAF untuk menutup pusat latihan atlet acara 'kata' di Pulau Pinang dan memindahkannya ke Bukit Jalil juga kita akur, walaupun pusat latihan tersebut telah banyak melahirkan atlet-atlet 'kata' yang telah menyumbang pingat kepada negara."

"Ekoran dari itu, kita juga akur dengan keputusan MAKAF menamatkan khidmat jurulatih tempatan Lim Lee Lee, yang selama ini mengendalikan program pelapis 'kata' di Pulau Pinang," katanya menerusi kenyataan.

Shapawi berkata pihaknya juga akur dengan keputusan MAKAF menamatkan khidmat jurulatih tempatan Lim Lee Lee, yang selama ini mengendalikan program pelapis 'kata' di Pulau Pinang," katanya menerusi kenyataan.



gram latihan pasukan kebangsaan dan pelapis di Bukit Jalil di sini, yang hanya mempunyai 16 pelatih (tujuh senior dan sembilan pelapis kebangsaan) pada masa ini.

Beliau mendakwa MAKAF pada mesyuarat Jawatankuasa Program semalam telah mengemukakan cadangan untuk mengambil seorang lagi jurulatih bagi mengendalikan program pembangunan, yang akan dilaksanakan melalui akademi MAKAF.

Menurutnya, MSN berpandangan cadangan itu masih terlalu awal kerana belum ada atlet-

let pelapis yang dipilih ekoran pandemik COVID-19 yang masih belum reda ketika ini, namun cadangan itu akan dipertimbangkan semula dalam Jawatankuasa Kerja Karate, selepas penetapan sebenar pemilihan atlet pelapis dilakukan nanti.

"Sudah tentu MSN akan akur dengan keputusan MAKAF yang merupakan badan sukan kebangsaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan sukan karate, tetapi kita juga mempunyai limitasi tertentu dalam menentukan peruntukan gaji serta kadar kenaikan gaji jurulatih, yang terakluk kepada Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan, yang seragam digunakan selama ini untuk semua jenis sukan supaya ia lebih adil kepada semua."

Shapawi berkata MSN akan mempertimbangkan dan mengadakan perbincangan semula dengan MAKAF melalui mesyuarat Jawatankuasa Kerja seterusnya, yang dijangka diadakan pada hujung Mac atau awal April," katanya. - BERNAMA

Sepak takraw sebat
dalam jiwa Aizat

► 15

Bakal dikumpulkan bersama adik beradik yang lain

Uncle Leong masuk rumah baharu

EPISOD sedih lelaki warga emas, Leong Choong Keong, 65, yang menghuni sebuah pondok dikelilingi semak di Kampung Baru Salak Selatan Kuala Lumpur sejak tiga tahun lalu, berakhir apabila dia ditempatkan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Salak Selatan pada 4 Mac.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, berita mengenai kedaifan warga emas tersebut dimaklumkan kepadanya oleh aktivis masyarakat, Kuan Chee Heng atau lebih dikenali sebagai Uncle Kentang.

"Saya dan Uncle Kentang telah menziarahi Leong di rumah pondoknya pada Khamis lepas dan dalam lawatannya, saya berjanji untuk mendapatkan tempat tinggal yang lebih baik."

"Kali ini kita dapat menyediakan satu unit rumah tiga bilik yang serba lengkap di PPR Salak Selatan bagi memastikan kehidupannya lebih selesa dan selamat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

pemberita selepas menyerahkan surat tawaran dan kunci kediaman kepada Leong di PPR Salak Selatan pada Khamis.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar; Pengarah Eksekutif DBKL, Anwar Mohd Zain dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun.

Annur berkata, apa yang lebih menggembirakan, apabila pihaknya dapat menjelaki dan mengumpulkan dua adik-beradiknya yang lain di dalam satu rumah yang sama.

"Saya difahamkan dua adik-beradiknya itu juga susah dan merupakan golongan asnaf selain menghidap penyakit buah pinggang dan sedang menjalani rawatan dialisis," katanya.

Malah, bagi mengurangkan beban, Annur secara peribadinya akan menanggung bayaran deposit serta bulanan rumah tersebut.

Dalam pada itu, Chee Heng mengucapkan terima kasih kepada



ANNUAR (dua kiri) bersama Uncle Kentanh (kiri) mendengar cerita Leong dan adik beradiknya yang lain.

da pihak KWP dan DBKL kerana mendapatkan sebuah rumah yang selesa untuk kehidupan Leong dalam masa yang singkat.

"Dalam tempoh seminggu sahaja sebuah rumah telah dapat

disediakan dan saya amat gembira kerana Leong dapat memulakan 'buku' baharu dalam kehidupannya.

"Kita akan terus memantau keadaan Leong bagi memastikan beliau dapat hidup dengan baik dan selepas ini, saya akan usahakan bantuan yang termasuk membantu menukar kad pengenalan yang digunakan sejak tahun 1960-an kepada kad pengenalan baharu," katanya.

Sementara itu, Zaizalnizam ketika ditemui berkata, pihaknya memperuntukan kira-kira RM7000 untuk menyediakan kelengkapan asas agar Leong menjalani kehidupan yang lebih selesa.

"Sumbangan tersebut adalah berupa set kerusi dan meja makan, set ruang tamu seperti sofa, televisyen dan kipas siling, set barang di dapur seperti kabinet dapur dan dapur gas serta tiga set perabot bilik tidur seperti katil, kipas berdiri dan almari baju."

"Selain itu, YWP turut menyumbangkan barang keperluan asas untuk beliau," katanya.

WK

Kugiran Here Comes July angkat kuasa wanita menerusi lagu

DEEL ANJER

SEMPENA Hari Wanita Sedunia yang akan disambut 8 Mac ini, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga memilih tema Wanita Waja Negara: Wanita Bangkit Mendepani Cabaran.

Tema ini dipilih adalah untuk mengangkat semangat juang wanita yang tidak mengenal penat lelah dalam mengharungi cabaran kehidupan.

Pengorbanan golongan wanita sama ada ibu, isteri, guru, kakak, atau sebagainya perlu dihargai dengan penuh kasih sayang kerana tanpa peranan mereka dalam kehidupan sehari-hari, bukan sahaja keluarga malah negara juga boleh lumpuh.

Sebagai menghargai kaum wanita, kumpulan muzik indie tempatan iaitu kugiran Here Comes July (HCJ) muncul dengan lagu baharu berjudul

Juwita yang mempunyai mesej bermakna tentang wanita.

HCJ yang dianggotai Wan Lukman sebagai vokalis, Arfan Zainuddin (gitar utama), Adam Hariz (gitar ritma), Haziq Hashim (pemain bass) dan Irfan Ismail (dram) mengangkat kuasa wanita sebagai fokus utama.

Walaupun lagu ini menggunakan judul nama seorang wanita, namun ia sebenarnya membawa pengertian lebih luas merangkumi wanita daripada pelbagai latar belakang.

Menurut vokalisnya, Juwita adalah perwakilan kepada setiap wanita yang wujud di muka bumi ini.

"Idea untuk lagu ini tercetus lebih kurang setahun yang lalu. Juwita dalam takrifan kami adalah perwakilan terhadap seluruh wanita yang wujud dalam hidup kita. Tidak kira lah ibu, teman wanita, kakak, sesiapa sahaja yang bergelar wanita, dia adalah Juwita. Juwita



yang tidak pernah berkira, tidak pernah penat mahupun memberi alasan.

"Bagi kami, setiap wanita memiliki kuasa tersendiri yang mampu memberi kesan

besar dalam hidup seseorang. Juwita sentiasa bersama kita dalam menyinari hidup sehari-hari. Kehebatannya, tiada boleh nafikan. Selain ditujukan buat seluruh wanita secara amnya, lagu ini didedikasi khas buat barisan hadapan wanita kita."

"Mereka tidak henti bekerja keras demi negara namun pada masa sama masih bertugas tanpa putus asa untuk keluarga," katanya yang berbesar hati apabila lagu Juwita turut menjadi lagu tema bagi drama bersiri Takdir Yang Tertulis siaran TV3 lakonan Nad Zainal, Maxim Othman, Elvina Mohamad, Alvin Chong, Iman Suhana, Didie Alias dan ramai lagi.

Juwita boleh dinikmati menerusi semua platform penstriman muzik terpilih antaranya Apple Music, Deezer, JOOX, KKBox, Spotify, YouTube dan YouTube Music.

WK